

Kriteria Mutawalli Dalam Pembangunan Institusi wakaf: Analisis Isu Dan Nas-Nas Terpilih

Dr. Mohd Nasir Ayub^{1*}, Nazmi@Nazni Noordin²,
Mohd Zool Hilmie Mohamed Sawal³, Zanirah Mustafa@Busu⁴,
Surita Hartini Mat Hassan⁵

Pendahuluan

Institusi wakaf memainkan peranan penting dalam pembangunan ekonomi sesebuah negara. Amalan berwakaf bukan lagi dianggap sebagai cabang ibadat yang dilakukan oleh sekelompok manusia, akan tetapi ia menjadi satu institusi penting dalam kerangka pembangunan negara yang lestari. Amalan wakaf bukan sahaja untuk aset-aset tertentu seperti tanah kubur, wakaf surau atau masjid, wakaf alatan untuk beribadat semata-mata, akan tetapi dalam ruang yang cukup besar iaitu ke arah penjanaaan yang mampan dan lestari hasil penjanaaan aset wakaf sedia ada. Paradigma baharu mesti dibina selaras dengan keperluan pembangunan semasa. Umat Islam perlu melihat, bagaimana aset-aset wakaf umat Islam digembeling dan dijana kembali sehingga menjadi mercu pembangunan yang berterusan memenuhi kemaslahatan umat Islam seluruhnya.

Institusi wakaf yang dibangunkan secara profesional, adil dan saksama mampu menyediakan pelbagai kemudahan seperti pendidikan, pusat kesihatan, tempat ibadah, riadah dan pelbagai infrastruktur yang lain. *Mutawalli* yang profesional perlu diwujudkan dalam kerangka pembangunan wakaf yang lebih tersusun dan praktikal bagi memastikan setiap penjanaaan itu mencapai matlamat serta hasrat pemberi wakaf itu akan terealisasi.

Kertas kerja ini cuba mengemukakan beberapa kriteria yang sewajarnya dimiliki oleh *Mutawalli* agar natijah dan keberhasilan gerak kerja nanti menyumbang kepada penyuburan dana wakaf yang lebih efisien. Apabila kesejajaran berlaku, maka ia akan menampakkan rahmat yang lebih menyeluruh dalam pelbagai sektor perkhidmatan, seterusnya membantu pertumbuhan ekonomi negara.

Mutawalli Menurut Perbincangan Fiqh

Mutawalli juga disebut dengan istilah nazir wakaf atau pentadbir wakaf. Nazir yang pertama selalunya dilantik oleh pewakaf sendiri atau pewakaf sendiri bertindak sebagai *Mutawalli*. Manakala dalam perbahasan mazhab al-Syafie tidak mensyaratkan pewakaf sebagai *Mutawalli* kecuali diisytarkan oleh pewakaf semasa membuat wakaf. Perwakaf berhak melantik nazir yang disukai dalam masa hayatnya, begitu juga memecat dan menggantikannya kecuali nazir itu dilantik dalam surat wakaf oleh kerana syarat-syarat itu tidak boleh diubah lagi (Mohd Zain Hj Othman, 1998: 189).

Dalam fiqh mazhab Syafie, *Mutawalli* yang dilantik mesti memenuhi syarat seperti amanah, fizikal dan mental yang mantap serta disegani, warak, tidak memohon jawatan tersebut, sama ada lelaki atau pun perempuan. Manakala pendapat melantik bukan Muslim sebagai *Mutawalli* dilarang sama sekali menurut imam Zakariya al-Ansari dalam kitab *al-A'lam wa al-Ihtimum*. Pandangan ini paling *al-assah* menurut syeikh Romli.

Apabila *Mutawalli* itu berdasarkan hartanya sendiri, maka disyaratkan mukalaf dan cerdik (*rasyidan*) sama ada lelaki atau pun perempuan, adil atau pun fasik. Ini kerana ia memiliki hak penuh terhadap harta tersebut. Apabila *Mutawalli* dilantik oleh pihak wali atau pihak berautoriti, maka disyaratkan daripada kalangan mereka yang mukalaf, cerdik dan amanah. Apabila pemberi wakaf itu masih belum cerdik (*ghair rasyid*) sama ada masih kecil, bodoh atau gila, maka walinya dilantik sebagai *Mutawalli* (Hassan Ayub, 1998: 52).

Dalam menjalankan tugasannya sebagai pemegang amanah, *Mutawalli* hendaklah memahami dan melaksanakan empat tanggungjawab asas iaitu:

-
- 1 Pensyarah Kanan di Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) Universiti Teknologi MARA, UiTM Kedah, kampus Sungai Petani. (Correspondent). Penulis boleh dihubungi melalui email: mnasir251@kedah.uitm.edu.my.
 - 2 Pensyarah Kanan di Fakulti Sains Pengurusan Dan Pengajian Polisi, Universiti Teknologi MARA, UiTM Kedah, kampus Sungai Petani. Penulis boleh dihubungi melalui email: nazni@kedah.uitm.edu.my.
 - 3 Pensyarah Kanan di Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA, UiTM Kedah kampus Sungai Petani. Penulis boleh dihubungi melalui email: zoolhilmie@kedah.uitm.edu.my.
 - 4 Pensyarah di Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) Universiti Teknologi MARA, UiTM Kelantan, kampus Machang. Penulis boleh dihubungi melalui email: zanir126@kelantan.uitm.edu.my.
 - 5 Calon PhD dalam bidang Wakaf di Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia (USM), 11800 Pulau Pinang. Penulis boleh dihubungi melalui email: hartinihassan79@yahoo.com.

- a) Memelihara dan menjaga harta wakaf.
- b) Melakukan perkara-perkara yang boleh mendatangkan kebaikan kepada harta wakaf.
- c) Menerima hasil pelaburan harta wakaf.
- d) Membahagikan harta kepada pihak yang berhak menerimanya (Razali Othman, 2015: 26).

Di Malaysia bidangkuasa ke atas harta wakaf di bawah bidang kuasa Sultan dan raja, manakala negeri yang tidak beraja di bawah Yang Di Pertuan Agung (Amerudin Ismail, 2013: 6). Menurut Masyitoh Mahamood (2006:17) Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) adalah pemegang amanah tunggal (*sole trustee*) bagi semua harta wakaf, sama ada wakaf am ataupun wakaf khas, sama ada yang membabitkan harta alih dan harta tak alih.

Justeru, aspek terpenting memastikan kelancaran tadbir urus wakaf banyak merujuk kepada individu atau institusi yang menguruskannya. Apabila wujud amanah, kecekapan dalam menguruskan harta wakaf maka ia akan memberi impak kepada masyarakat, ekonomi dan pembangunan ummah seluruhnya.

Isu-Isu Dalam Pembangunan Harta Wakaf

Terdapat beberapa isu berkaitan dengan pentadbiran wakaf yang boleh ditonjolkan berdasarkan kajian dan penelitian oleh pihak terbabit seperti Yayasan Wakaf Malaysia (YWM), Jabatan Wakaf, Zakat Dan Haji (JAWHAR), melalui penulisan ilmiah, kajian tesis, artikel-artikel dan sebagainya.

Menurut Yayasan Wakaf Malaysia (2015) isu dan cabaran dalam mengimarahkan wakaf adalah seperti kurang kefahaman masyarakat, wakaf tidak berdaftar, fizikal tanah tidak sesuai, pencerobohan tanah wakaf dan dana tidak mencukupi. Manakala, Surita Hartini Mat Hassan dan Mohd Nasir Ayub (2016: 25) menyebut halangan membangunkan harta wakaf seperti kekangan perundangan sedia ada yang masih berbentuk tradisional serta kekurangan tenaga pakar dalam institusi terbabit. Begitu juga peruntukan Enakmen Pentadbiran Agama Islam bagi negeri-negeri di Malaysia berkaitan wakaf dibuat mengikut negeri masing-masing (Amerudin Ismail, 2013: 5). Hasilnya berlaku ketidakseragaman di antara MAIN yang membawa kepada perbezaan tafsiran, pemahaman, tatacara hukum dan pengeluaran fatwa (Farahdina Fazial, 2014: 47).

Wujud juga persepsi dalam kalangan masyarakat Islam itu yang melihat ibadat wakaf sebagai satu bentuk kebajikan sahaja yang dilakukan bagi mendapatkan pahala semata-mata dan ia sering sinonim dengan dengan harta berbentuk harta tidak alih seperti wakaf tanah (Muhammad Hisyam Mohamad, 2014: 38). Antara faktor dalaman umat Islam berkaitan wakaf, kurangnya kesedaran Islam dan peningkatan sikap materialistik dalam kalangan umat Islam di Malaysia yang berpunca daripada pengaruh penjajahan kolonial Barat sebelum ini (Utusan Malaysia, 2014). Ada juga mereka yang terlibat dengan pengurusan wakaf kurang faham potensi wakaf sebagai institusi pembangunan Islam (Utusan Malaysia, 1999). Terdapat juga kekangan seperti kekurangan modal, undang-undang, penyertaan awam, pemggunaan tanah wakaf oleh orang bukan Islam dan tidak ada kerja sama dalam kalangan umat Islam sendiri (Amerudin Ismail, 2013: 6) Begitu juga tentang permasalahan harta wakaf yang berpotensi untuk dibangunkan, tetapi masih belum dimajukan, masalah perundangan yang berkaitan dengan tanah, masalah penyusunan semula struktur organisasi pentadbiran wakaf dan mewujudkan rekod maklumat hartanah wakaf berpusat bagi menyediakan sistem yang lebih tersusun (Mohamad Akram Laldin, 2008).

Banyak lagi isu-isu pembangunan harta wakaf yang boleh dibangkitkan disini, namun secara umumnya permasalahan pembangunan harta wakaf ini melibatkan kurangnya kesedaran masyarakat Islam itu sendiri untuk menghayati falsafah dan objektif berwakaf, selain isu perundangan yang berbeza di setiap negeri. Permasalahan juga dikaitkan dengan kedudukan harta wakaf itu yang tidak strategik yang memerlukan kepada proses istibdal. Begitu juga masalah *Mutawalli* yang kurang cekap dalam mengurus dan menjana dana wakaf secara lebih efisien dan menepati keperluan semasa.

Kriteria *Mutawalli* Berdasarkan Nas-Nas Terpilih

Ajaran Islam menyuburkan nilai-nilai murni dalam kehidupan manusia. Aktiviti manusia yang dilakukan berdasarkan lunas-lunas syarak akan mendapat kebajikan dan keberkatan yang berpanjangan. Menjaga dan menguruskan harta (*hifz al-mal*) adalah salah satu tuntutan maqasid syariat yang lima selain menjaga agama, nyawa, akal, nasab keturunan. Oleh itu, budaya kerja yang baik akan merealisasikan sifat mahmudah manusia sebagai pemegang amanah Allah SWT di muka bumi ini (Syarifah Hayaati al-Qudsiy, 2008). Kecekapan manusia untuk menguruskan lima maqasid ini telah melayakkan manusia digelar khalifah Allah yang bertanggungjawab memakmurkan alam sejagat. Uruslah alam ini sebaik mungkin kerana Allah SWT amat menyukai setiap urusan yang tersusun dan baik. Hadis Nabi SAW yang bermaksud:

“*Sesungguhnya Allah itu cantik, dan Allah suka kepada yang cantik.*”.

(riwayat Muslim, no. hadis 147)

Terdapat beberapa ayat al-Quran mengaitkan tentang kecekapan seorang pentadbir yang boleh diterapkan dalam situasi

melahirkan *Mutawalli* yang cemerlang, antaranya:

- i) **Bersifat *Hafizun Álim***
Firman Allah yang berbunyi:

قَالَ أَجْعَلْنِي عَلَىٰ خَزَائِنِ الْأَرْضِ إِنِّي حَفِيظٌ عَلَيْمُ (٥٥)

Maksudnya: “*Yusuf berkata: “Jadikanlah daku pengurus perbendaharaan hasil bumi (Mesir); sesungguhnya aku sedia menjaganya dengan sebaik-baiknya, lagi mengetahui cara mentadbirkannya*”.

(surah Yusuf, 12: 55)

Al-Quran telah merekodkan tentang kemakmuran negara Mesir semasa pemerintahan Nabi Yusuf a.s. kerana baginda memiliki sifat mulia, kepakaran tinggi, cekap mentadbir negara. Falsafah yang sama dalam mentadbir harta wakaf semestinya *mutawalli* yang dilantik itu bersifat terkehadapan dalam membaca keperluan zaman. Kepercayaan pewakaf menyerahkan harta untuk mendapatkan pahala berganda di akhirat nanti dan ia akan terhasil melalui perlaksanaan perancangan yang baik. Manfaat demi manfaat akan terima umat Islam secara berterusan dan ianya terus berkembang. Justeru, perlu kepada pemuliharaan dan pengurusan harta wakaf yang teratur berdasarkan pengurusan harta yang baik serta menepati tasawur Islam yang sebenar (Mohamad Akram Laldin, 2008).

Firman Allah SWT yang berbunyi:

وَقَالَ الْمَلِكُ إِنِّي أَرَىٰ سَبْعَ بَقَرَاتٍ سِمَانٍ يَأْكُلُهُنَّ سَبْعَ عَجَافٍ وَسَبْعَ سُنْبُلَاتٍ خُضْرٍ وَأُخَرَ يَابِسَاتٍ يَا أَيُّهَا الْمَلَأُ الْأَقْتُونِي فِي رُءْيَايَ إِن كُنْتُمْ لِلرُّءْيَا تَعْبُرُونَ (٤٣)

Maksudnya: “*Dan (pada suatu hari) raja Mesir berkata: “Sesungguhnya aku bermimpi melihat: Tujuh ekor lembu yang gemuk dimakan oleh tujuh ekor lembu yang kurus, dan aku melihat tujuh tangkai (biji-bijian) yang hijau dan tujuh tangkai lagi yang kering. Wahai ketua-ketua kaum (yang hadir), terangkanlah kepadaku tentang mimpiku ini, kalau kamu orang yang pandai mentafsirkan mimpi*”.

(surah Yusuf, 12: 43)

Ayat di atas mengaitkan kehebatan nabi Yusuf membaca situasi ekonomi yang mendatang berdasarkan mimpi raja Mesir tersebut. Oleh itu, perancangan dan strategi mesti diatur oleh nabi Yusuf agar apa yang bakal berlaku nanti dapat di atasi dengan baik. Mengadaptasikan kisah nabi Yusuf ini, etika kerja yang baik perlu diamalkan bermula dengan pihak pengurusan sehinggalah kepada pekerja bawahan meliputi sifat-sifat rajin, gigih, berdaya cipta, kreatif, inovatif, semangat kerjasama, kerja berpasukan, integriti, berdisiplin dan berusaha untuk meningkatkan prestasi diri dan kerja (Muhamad Faisal Bahari dan Mohd Rizal Muwazir, t.t). Begitu juga dengan *Mutawalli* yang dilantik hendaklah menguasai seni pengurusan harta dengan baik.

Perancangan, strategi yang berkesan dan kemampuan membaca kekuatan dan kelemahan ekonomi semasa amatlah perlu. Umat Islam di Malaysia masih ketinggalan di belakang berbanding Turki, Mesir dan beberapa negara Islam yang lain. Negara-negara tersebut telah pun mempunyai kementerian khusus untuk menjaga dan menguruskan dana wakaf negara.

- ii) **Bersifat *al-Qawiyy al-Amin***.

Firman Allah SWT yang berbunyi:

قَالَتْ إِحْدَاهُمَا يَا أَبَتِ اسْتَجِرْهُ إِنِّي خَشِيتُ أَنْ يَسْتَجِرَّكَ الْقَوِيُّ الْأَمِينُ (٢٦)

Maksudnya: “*Salah seorang di antara perempuan yang berdua itu berkata: Wahai ayah, ambillah dia menjadi orang upahan (menggembala kambing kita), sesungguhnya sebaik-baik orang yang ayah ambil bekerja ialah orang yang kuat, lagi amanah*”.

(surah al-qasas, 27: 26)

Sifat *al-Qawiyy al-Amin* bermaksud seseorang yang kuat lagi amanah. Pengurusan yang cekap dan teratur tetapi tidak disertai dengan iman dan sifat amanah akan membawa kepada kehancuran. *Al-Qawiyy* bukan bermaksud memiliki kekuatan tubuh badan sahaja, akan tetapi jenis tugas yang dilaksanakannya, jika ia memerlukan tenaga

dan kekuatan, maka *al-Qawiyy* yang dikehendaki ialah kuat tubuh badan, jika ia bidang ikhtisas dan kepakaran maka *al-Qawiyy* yang dikehendaki ialah kepakaran yang memerlukan ikhtisas tersebut. Manakala al-Amin merupakan sifat terpuji yang menjadi teras kejayaan sesuatu tugas dan tanggungjawab iaitu bersifat amanah (Mahmud Saedon, 1998: 175). Para Sahabat r.a. juga memiliki kepakarannya tersendiri. Rasulullah SAW juga mengakui akan kepakaran dan kemahiran khusus para Sahabat r.a.. Hadis Nabi SAW ada menyebut:

“Yang paling belas di kalangan umatku adalah Abu Bakar, yang paling tegas adalah Umar, yang paling malu adalah Usman, yang paling kemas bacaan al-Qurannya Ubay binn Ka’ab, yang paling mengerti urusan faraid Zaid bin Thabit, yang paling memahami halal dan haram adalah Mu’az bin Jabal, dan ketahuilah bagi setiap umat itu seorang pemegang amanah, dan yang paling amanah bagi umat ini adalah Abu Ubaidah al-Jarrah.”

(riwayat Ahmad dan Ibn Majah)

Kelebihan ikhtisas seperti ini sebenarnya memudahkan lagi kerja yang hendak dibuat dan perancangan organisasi wakaf akan menjadi lebih lancar. Institusi wakaf hendaklah membuat pemilihan kakitangan yang dilihat berpotensi untuk membangunkan dan menguruskan dana wakaf dengan pelbagai perancangan jangka pendek dan juga jangka panjang.

iii) Memiliki sifat akauntabiliti yang tinggi.

Firman Allah SWT yang berbunyi:

فَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ خَيْرًا يَرَهُ: (٧) وَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ شَرًّا يَرَهُ: (٨)

Maksudnya: “Maka sesiapa berbuat kebajikan seberat zarah, nescaya akan dilihatnya (dalam surat amalnya)! (7) Dan sesiapa berbuat kejahatan seberat zarah, nescaya akan dilihatnya (dalam surat amalnya)”! (8)

(surah al-zalzalah, 99: 7-8)

Setiap Muslim bertanggungjawab setiap apa yang dikerjakan di dunia ini. Segala urusan yang melibatkan hubungan dengan Allah, sesama manusia dan hubungan dengan alam akan dipersoalkan di akhirat nanti. Dalam dunia sekarang, tahap moral etika pekerja amat menurun akibat berlakunya pecah amanah, penipuan, penyalahgunaan kuasa dan sebagainya semakin berleluasa, faktor kepercayaan semakin luntur dalam banyak organisasi (Syed Omar Syed Agil, t.t). Oleh itu, nilai kebertanggungjawaban amat perlu dalam setiap institusi termasuk institusi wakaf. *Mutawalli* hendaklah melihat bahawa menguruskan dana wakaf bukan setakat menjalankan kerja-kerja jabatan semata-mata, akan tetapi dilakukan dengan penuh dedikasi serta menjadi sebahagian daripada tanggungjawab sosial yang dipikul bersama. Amal kebaikan yang dilakukan sebenarnya termasuk di dalam saham akhirat yang besar ganjarannya di sisi Allah SWT. Namun, Allah SWT memberikan tanggungjawab ini menepati daya usaha yang mampu dilakukan oleh hamba itu sendiri. Firman Allah SWT yang berbunyi:

لَا يُكَلِّفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا لَهَا مَا كَسَبَتْ وَعَلَيْهَا مَا اكْتَسَبَتْ رَبَّنَا لَا تُؤَاخِذْنَا إِن نَّسِينَا أَوْ أَخْطَأْنَا رَبَّنَا وَلَا تَحْمِلْ عَلَيْنَا إَصْرًا كَمَا حَمَلْتَهُ عَلَى الَّذِينَ مِن قَبْلِنَا رَبَّنَا وَلَا تُحَمِّلْنَا مَا لَا طَاقَةَ لَنَا بِهِ وَاعْفُ عَنَّا وَارْحَمْنَا أَنْتَ مَوْلَانَا فَانصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ (٢٨٦)

Maksudnya: “Allah tidak memberati seseorang melainkan apa yang terdaya olehnya. Dia mendapat pahala kebaikan yang diusahakannya dan dia juga menanggung dosa kejahatan yang diusahakannya. (Mereka berdoa dengan berkata): Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau mengirakan kami salah jika kami lupa atau kami tersalah. Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau bebaskan kepada kami bebanan yang berat sebagaimana yang telah Engkau bebaskan kepada orang-orang yang terdahulu daripada kami. Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau pikulkan kepada kami apa yang kami tidak terdaya memikulnya dan maafkanlah kesalahan kami, serta ampunkanlah dosa kami dan berilah rahmat kepada kami. Engkaulah Penolong kami; oleh itu, tolonglah kami untuk mencapai kemenangan terhadap kaum-kaum yang kafir”.

(surah al-baqarah, 2: 286)

Sifat kebertanggungjawaban ini dilaksanakan kesemua gerak kerja dalam pentadbiran wakaf. Pewakaf bertanggungjawab mengamanahkan harta kepada yang selayaknya, manakala *Mutawalli* yang dilantik pula, bukan sahaja bertanggungjawab untuk menjaga harta tersebut dengan penuh amanah akan tetapi perlu juga bertanggungjawab mengembangkan harta tersebut menjadi aset-aset yang pelbagai demi kemaslahatan ummah.

iv) Nilai Kompetitif dan berlumba-lumba melakukan kebaikan.

Firman Allah SWT yang berbunyi:

وَلِكُلِّ وِجْهَةٍ هُوَ مُوَلِّبٌ فَاسْتَبِقُوا الْخَيْرَاتِ أَيْنَ مَا تَكُونُوا يَأْتِ بِكُمْ اللَّهُ جَمِيعًا إِنَّ اللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ (١٤٨)

Maksudnya: “Dan bagi tiap-tiap umat ada arah (kiblat) yang masing-masing menjunnya; oleh itu berlumba-lumbalah kamu mengerjakan kebaikan; kerana di mana sahaja kamu berada maka Allah tetap akan membawa kamu semua (berhimpun pada hari kiamat untuk menerima balasan); sesungguhnya Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu”.

(surah al-baqarah, 2: 148)

Ayat ini jelas mempromosikan amalan kebaikan walau di mana sahaja dan setiap ketika. *Mutawalli* menjadi pemudah cara untuk umat Islam melakukan kebaikan yang banyak dan manfaat berpanjangan. Pewakaf semestinya inginkan manfaat dunia dan juga manfaat akhirat. Sebaik manusia apabila diberi peluang untuk melakukan sesuatu kebaikan, ia melakukannya dengan terbaik dan mengharapkan keredhaan Allah SWT. Dalam hal ini, Allah SWT berfirman:

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَلَوْ ءَامَنَ أَهْلُ الْكِتَابِ لَكَانَ خَيْرًا لَهُمْ مِّنْهُمْ الْمُؤْمِنُونَ وَأَكْثَرُهُمُ الْفَاسِقُونَ (١١٠)

Maksudnya: “Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji) serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman) dan kalaulah Ahli Kitab (Yahudi dan Nasrani) itu beriman (sebagaimana yang semestinya), tentulah (iman) itu menjadi baik bagi mereka. (Tetapi) di antara mereka ada yang beriman dan kebanyakan mereka orang-orang yang fasik”.

(surah Ali Imran, 3: 110)

Ayat di atas jelas mengisyaratkan bahawa umat yang terbaik ialah umat yang berusaha menyuruh kepada kebaikan, mencegah kepada kemungkaran dan beriman dengan Allah SWT. *Mutawalli* yang baik akan memaksimumkan seluruh dana wakaf yang ada demi kebaikan-kebaikan yang terhasil daripadanya. Justeru itu, program pencegahan maksiat, aktiviti pemantapan rohani dan jasmani serta penambahbaikan insfranstruktur untuk kemudahan umat Islam sedikit sebanyak membantu meringankan bebanan kerajaan.

v) Bersifat ihsan dalam melakukan sesuatu urusan

Firman Allah SWT yang berbunyi:

يَعْلَمُ مَا فِي السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَيَعْلَمُ مَا تُسْرُونَ وَمَا تُعْلِنُونَ وَاللَّهُ عَلِيمٌ بِذَاتِ الصُّدُورِ (٤)

Maksudnya: “Dia mengetahui segala yang ada di langit dan di bumi dan Dia mengetahui segala yang kamu rahsiakan serta yang kamu zahirkan dan Allah sentiasa mengetahui segala (isi hati) yang terkandung di dalam dada;”

(surah al-taghabun, 64: 4)

Setiap perlakuan manusia tidak boleh lari daripada pengawasan Allah SWT. Para malaikat akan sentiasa mengiringi hamba-hambaNya dan tidak jemu mencatat setiap amalan yang dilakukan. *Mutawalli* yang baik akan meyakini bahawa kerja yang dilakukan adalah kerana Allah demi melihat pembangunan ekonomi dan sosial umat Islam terus maju. Kemahiran yang ada tidak dimanfaatkan dengan baik akan merugikan semua yang akhirnya meninggalkan umat Islam jauh ketinggalan berbanding bangsa lain dari segi ekonomi dan sebagainya. Perlu difahami bahawa tidak rugi bergelumang dengan amal kebaikan kerana ia akan kembali kepada tuannya di akhirat kelak. Firman Allah SWT yang berbunyi:

وَقُلْ أَعْمَلُوا فَسَيَرَى اللَّهُ عَمَلَكُمْ وَرَسُولُهُ وَالْمُؤْمِنُونَ وَسَتُرَدُّونَ إِلَىٰ عِلْمِ الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ فَيُنبِّئُكُمْ بِمَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ (١٠٥)

Maksudnya: “Dan katakanlah (wahai Muhammad): Beramallah kamu (akan segala yang diperintahkan), maka Allah dan RasulNya serta orang-orang yang beriman akan melihat apa yang kamu kerjakan dan kamu akan dikembalikan kepada (Allah) Yang Mengetahui perkara-perkara yang ghaib dan yang nyata, kemudian Dia menerangkan kepada kamu apa yang kamu telah kerjakan”.

(surah al-taubah, 9: 105)

Oleh itu, *Mutawalli* hendaklah melaksanakan tugas yang diberikan itu dengan penuh cekap dan tersusun. Kecuaian tidak akan berlaku sekiranya dilaksanakan berdasarkan ilmu dan iman serta memahami kepentingan wakaf dan menguasai situasi semasa wakaf umat Islam.

vi) Memahami hakikat kebahagiaan sebenar

Firman Allah SWT yang berbunyi:

وَاتَّبِعْ فِيْمَا ءَاتَاكَ اللهُ الدَّارَ الْآخِرَةَ وَلَا تَنْسَ نَصِيْبَكَ مِنَ الدُّنْيَا وَأَحْسِنَ كَمَا أَحْسَنَ اللهُ إِلَيْكَ وَلَا تَبِغِ الْفَسَادَ فِي الْأَرْضِ إِنَّ اللهَ لَا يُحِبُّ الْمُفْسِدِينَ (٧٧)

Maksudnya: “Dan tuntutlah dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan Allah kepadamu akan pahala dan kebahagiaan hari akhirat dan janganlah engkau melupakan bahagianmu (keperluan dan bekalanmu) dari dunia dan berbuat baiklah (kepada hamba-hamba Allah) sebagaimana Allah berbuat baik kepadamu (dengan pemberian nikmatNya yang melimpah-limpah) dan janganlah engkau melakukan kerosakan di muka bumi; sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang berbuat kerosakan”.

(surah al-qasas, 28: 77)

Ayat di atas menjelaskan tentang kebahagiaan yang hakiki iaitu dengan memperoleh kebahagiaan dunia dan juga kebahagiaan akhirat. Walaupun akhirat diutamakan, namun kebahagiaan dunia amat perlu dalam melicinkan gerak kerja dan amalan-amalan untuk sampai ke akhirat. *Mutawalli* mesti bijak mencari peluang untuk merealisasikan hasrat pewakaf. Dana wakaf hendaklah dijana semaksimum mungkin dan dikembangkan dengan penuh hikmah. Kejayaan menjana ekonomi umat Islam melalui institusi wakaf memberi peluang kepada umat Islam mencapai kejayaan dunia dan juga kemaifanaan akhirat. Nikmatilah kejayaan dunia yang Allah sediakan kepada hambaNya yang bersyukur. Hal ini bertepatan dengan firman Allah yang berbunyi:

أُولَئِكَ لَهُمْ نَصِيْبٌ مِّمَّا كَسَبُوا وَاللهُ سَرِيْعُ الْحِسَابِ (٢٠٢)

Maksudnya: “... Mereka itulah yang akan mendapat bahagian yang baik dari apa yang telah mereka usahakan dan Allah amat cepat hitunganNya”.

(surah al-baqarah, 2: 202)

vii) Segera bertaubat sekiranya berlaku salahguna kuasa

Firman Allah SWT yang berbunyi:

سَابِقُوا إِلَى مَغْفِرَةٍ مِّن رَّبِّكُمْ وَجَنَّةٍ عَرْضُهَا كَعَرْضِ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ أُعِدَّتْ لِلَّذِينَ ءَامَنُوا بِاللَّهِ وَرُسُلِهِ ذَٰلِكَ فَضْلُ اللهِ يُؤْتِيهِ مَن يَشَاءُ وَاللهُ ذُو الْفَضْلِ الْعَظِيمِ (٢١)

Maksudnya: “Berlumba-lumbalah kamu (mengerjakan amal-amal yang baik) untuk mendapat keampunan dari Tuhan kamu dan mendapat Syurga yang bidangnya seluas segala langit dan bumi, yang disediakan bagi orang-orang yang beriman kepada Allah dan Rasul-rasulNya; yang demikian ialah limpah kurnia Allah, diberikanNya kepada sesiapa yang dikehendakiNya; dan Allah sememangnya mempunyai limpah kurnia yang besar”.

(surah al-hadid, 57: 21)

Ayat ini menjelaskan tentang peluang yang amat luas diberikan oleh Allah SWT bagi hamba-hambaNya yang menyerah diri memohon keampunan. *Mutawalli* juga perlu menyediakan kepakaran untuk menguruskan harta wakaf yang diamanahkan kepadanya. Tanpa ilmu dan persediaan yang mantap, seseorang akan terjerumus dengan tipu daya musuh melalui peluang-peluang perniagaan dan penjanaan yang tidak sepatutnya. Akhirnya akan membawa kepada salah guna kuasa dan mengambil harta secara haram. Firman Allah SWT yang berbunyi:

وَلِيَخْشَ الَّذِينَ لَوْ تَرَكُوا مِن خَلْفِهِمْ ذُرِيَةً ضِعْفًا خَافُوا عَلَيْهِمْ فَلْيَتَّقُوا اللهَ وَلْيَقُولُوا قَوْلًا سَدِيدًا (٩)

Maksudnya: “Dan hendaklah takut (kepada Allah daripada melakukan aniaya kepada anak-anak yatim oleh) orang-orang (yang menjadi penjaganya), yang jika ditakdirkan mereka pula meninggalkan anak-anak yang daif (yatim) di belakang mereka, (tentulah) mereka akan merasa bimbang terhadap (masa depan dan keselamatan) anak-anak mereka; oleh itu hendaklah mereka bertakwa kepada Allah dan hendaklah mereka mengatakan perkataan yang betul (menepati kebenaran)”.

(surah al-nisa’, 4: 9)

viii) Menyediakan sistem rekod yang sempurna

Allah SWT berfirman yang berbunyi:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا تَدَايَنْتُمْ بِدَيْنٍ إِلَىٰ آجَلٍ مُّسَمًّى فَاكْتَتَبُوهُ وَلِيكْتَبَ بَيْنَكُمْ بِالْعَدَلِ وَلَا يَأْب كَاتِبٌ أَن يَكْتُبَ كَمَا عَلَّمَهُ اللهُ فَلْيَكْتُبْ وَلِيَمْلِلِ الَّذِي عَلَيْهِ الْحَقُّ وَلِيَتَّقِ اللهَ رَبَّهُ، وَلَا يَبْسُخِرْ مِنْهُ شَيْئًا

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman! Apabila kamu menjalankan sesuatu urusan dengan hutang piutang yang diberi tempoh hingga ke suatu masa yang tertentu maka hendaklah kamu menulis (hutang dan masa bayarannya) itu dan hendaklah seorang penulis di antara kamu menulisnya dengan adil (benar) dan janganlah seseorang penulis enggan menulis sebagaimana Allah telah mengajarkannya. Oleh itu, hendaklah dia menulis dan hendaklah orang yang berhutang itu merencanakan (isi surat hutang itu dengan jelas) dan hendaklah dia bertakwa kepada Allah Tuhannya dan janganlah dia mengurangkan sesuatu pun dari hutang itu...”

(surah al-baqarah, 2: 282)

Ayat di atas jelas menunjukkan bahawa setiap urusan hutang dan yang berkaitan keluar masuk duit hendaklah dicatat dengan jelas. Manakala pencatitnya hendaklah amanah dan benar. *Mutawalli* perlu menyediakan sistem rekod yang sempurna dan secara profesional untuk mengelak daripada berlaku kekhilafan kemudian hari. Berdasarkan rekod Yayasan Wakaf Malaysia (2015: 64) terdapat isu pewakafan yang tidak didaftarkan atau mendaftar tetapi secara tidak sempurna mengikut prosedur yang ditetapkan. Hal ini penting kerana untuk memelihara status harta tersebut daripada dicerobohi. Apabila diserahkan kepada MAIN sebagai *Mutawalli* tunggal, maka tidak ada lagi pihak yang boleh mengambil kesempatan terhadap harta wakaf tersebut sewenang-wenangnya. Oleh itu, penyusunan semula struktur organisasi pentadbiran wakaf dan mewujudkan rekod maklumat hartanah wakaf berpusat perlu diselesaikan segera untuk menyeragamkan lagi pentadbiran wakaf sedia ada (Mohamad Akram Laldin: 2008).

Implikasi Nas-Nas Syarak Melahirkan *Mutawalli* Yang Cemerlang

Mutawalli wakaf yang baik akan mengaplikasikan semua nas-nas al-Quran yang dapat membangunkan institusi wakaf. Menjauhi sifat-sifat keji dalam diri dalam menguruskan harta wakaf adalah kunci kepada kejayaan institusi wakaf yang dibina. Peringatan daripada Allah SWT bahawa kerosakan yang berlaku di muka bumi ini akibat daripada tangan-tangan manusia. Dalam hal ini, Allah SWT berfirman yang berbunyi:

ظَهَرَ الْفَسَادُ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ بِمَا كَسَبَتْ أَيْدِي النَّاسِ لِيُذِيقَهُمْ بَعْضَ الَّذِي عَمِلُوا لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ (١٤)

Maksudnya: “Telah timbul berbagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan manusia; (timbulnya yang demikian) kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian dari balasan perbuatan-perbuatan buruk yang mereka telah lakukan, supaya mereka kembali (insaf dan bertaubat)”.

(surah al-rum, 30: 41)

Wahbah Zuhaili telah mengariskan beberapa garis panduan antaranya: i. Pengurusan yang menepati maqsad wakaf. ii. Sentiasa berhati-hati dan bersikap amanah. iii. Sentiasa mendapatkan nasihat dan panduan daripada pakar yang berkenaan. iv. Memastikan harta wakaf dilaburkan di dalam pelaburan yang patuh Syariah. v. Memastikan hasil wakaf disalurkan kepada yang memerlukan berdasarkan keperluan dan prioriti seperti yang digariskan oleh syarak dan berdasarkan prinsip maqasid syariah yang sebenar (Mohamad Akram Laldin, 2008).

Daripada ciri-ciri *Mutawalli* di atas, dapat difahami bahawa membangunkan institusi wakaf bukan suatu yang mudah.

Cabaran dan halangan memang akan sentiasa wujud dalam merealisasikan hasrat murni ini. Walau apapun cabaran, harta wakaf mesti dimajukan dengan kreatif bagi memenuhi aspirasi serta kelangsungan hidup umat Islam (Majalah Wakaf Malaysia, 2016).

Isu kurangnya kefahaman masyarakat tentang kesedaran berwakaf, maka tindakannya perbanyakkan promosi-promosi dan aktiviti kesedaran berwakaf dalam kalangan masyarakat (Yayasan Wakaf Malaysia, 2015: 63). Oleh itu, promosi secara besar-besaran dalam media cetak dan elektronik seperti ibadah zakat yang berjaya membangkitkan kesedaran berzakat yang tinggi suatu ketika dahulu (Utusan Malaysia, 1999).

Berkaitan isu persepsi masyarakat yang pelbagai tentang kekuatan institusi wakaf dalam menerajui pembangunan sosial umat Islam, maka diperkenalkan wakaf tunai. Wakaf dengan menggunakan harta boleh alih atau boleh ubah seperti wang tunai akan menyelesaikan masalah kebekuan harta wakaf. Justeru, kegagalan fungsi wakaf yang berperanan memajukan sosio ekonomi ummah akan dapat diatasi (Muhammad Hisyam Mohamad, 2014: 38). Masyarakat Islam itu sendiri perlu memberikan sokongan padu terhadap projek-projek yang dibangunkan oleh MAIN termasuklah cara yang paling mudah menyumbang kepada dana wakaf tunai (Yayasan Wakaf Malaysia: 2015: 67).

Harta wakaf sebenarnya bukan harta beku yang hanya untuk mengharapkan pahala jariah pewakaf, tetapi juga harta yang boleh dijana dan dikembangkan mengikut peredaran masa dan keperluan. Banyak inisiatif yang dibuat oleh pakar ekonomi Islam seperti Saham Wakaf, Ladang Wakaf, Takaful Wakaf, Wakaf Kesihatan dan sebagainya. Kewujudan inisiatif ini bukan sahaja berjaya menjana keuntungan hasil pelaburan dan penjanaan harta wakaf secara produktif, tetapi turut memberi manfaat kepada umat Islam secara berterusan (Farahdina Fazial, 2014: 54).

Isu pelaburan harta wakaf sudah tidak berbangkit lagi kerana hasil pelaburan itu nanti akan dipulangkan kepada umat Islam melalui manfaat yang sangat banyak. Islam sendiri menggalakkan umatnya membuat pelaburan dan mengelakkan harta menjadi statik, beku dan tidak bergerak. Hadis Saidina Umar al-Khatib yang masyhur menjadi asas pensyariatkan wakaf menyebut dengan jelas: “*Kalau engkau mahu engkau boleh memegang asalnya (sebagai modal) dan sedekahkan hasilnya*”. (riwayat Bukhari, hadis no. 2620, riwayat Muslim, hadis no. 1632). Dengan melihat nas-nas yang ada ini sudah cukup untuk membuktikan kepentingan harta wakaf dilaburkan, dan ia selari dengan maqsd atau kehendak ilahi yang telah mensyariatkan wakaf, bahkan wakaf itu sendiri secara prinsipnya adalah pelaburan (Mohamad Akram Laldin, 2008). Berdasarkan pengalaman Wakaf Angkasa di Johor, dengan tertubuhnya Jawatankuasa Hisbah Skim Infaq lil Waqfi. Tujuannya untuk memastikan pelaburan yang menepati syarak serta memastikan dana sumbangan dana skim yang terkumpul ditadbirurur dengan profesional, sistematik dan berintegriti semaksimum yang mungkin (Nooh Gadot, 2014).

Bagi menyelesaikan masalah tanah wakaf yang berada di pendalaman atau di luar kawasan strategik, pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah mengeluarkan garis panduan khusus yang dipanggil *istibdāl* iaitu membeli sesuatu harta yang lain dengan hasil jualan untuk dijadikan sebagai *mauquf* bagi menggantikan harta yang dijual meliputi apa-apa harta yang diperolehi menerusi cara gantian dengan harta yang sama atau harta yang lebih baik nilai dan manfaatnya (Nik Mustapha Hj Nik Hassan, 2014: 84). Selain itu, Yayasan Wakaf Malaysia (2015: 65) turut menasihati pewakaf agar mewakafkan tanah yang benar-benar berpotensi bagi merelisasikan hasrat pewakaf dan urusan pewakafan.

Pemilihan *Mutawalli* juga amat penting agar wujud kecekapan dalam menguruskan harta wakaf. *Mutawalli* hendaklah amanah dan berwibawa dapat memastikan dana tadi diurus dengan dengan penuh bertanggungjawab (Muhammad Hisyam Mohamad, 2014: 38). Bahkan, bukan sahaja aspek pengurusan dan tadbir urus yang baik akan tetapi aspek pengawalseliaan yang berterusan perlu diambilkira (Mohamad Akram Laldin, 2008). Selain itu, aspek pelaburan harta wakaf itu hendaklah juga menepati syarak yang jauh daripada unsur-unsur yang dilarang dalam agama. Hal ini bagi memastikan hasrat pewakaf mendapat keberkatan seterusnya mencapai redha Allah SWT (Surita Hartini Mat Hassan, 2015: 556).

Dalam aspek yang lain, perlu ada sokongan dan kerjasama antara institusi wakaf dengan NGO, YWM, JAWHAR, kerajaan negeri, kerajaan Persekutuan dan sebagainya. (Farahdina Fazial, 2014: 121). Contoh yang jelas kerjasama yang terjalin institusi wakaf dengan JAWHAR berjaya membina 4 hotel wakaf melalui Rancangan Malaysia ke 9 dan ke 10, iaitu Hotel Grand Puteri di Kuala Terengganu, Hotel Seri Warisan di Taiping, Hotel Kelana Beach Resort di Port Dickson dan Hotel Pantai Puteri, Melaka Tengah (Surita Hartini Mat Hassan, 2015: 552). Peranan pihak swasta juga diperlukan khususnya bidang profesional, perundingan dan mendengar hasrat pewakaf bagi mengoptimumkan penggunaan dana, pengurusan, penjanaan dan sebagainya. Seterusnya, mengurangkan campur tangan kerajaan dalam operasi wakaf (Nik Mustapha Hj Nik Hassan, 2014: 83-87).

Penutup

Amalan berwakaf amat dituntut dalam Islam. Pembangunan institusi wakaf merupakan tanggungjawab yang perlu

dipikul bersama oleh seluruh umat Islam. Ia menjadi sebahagian daripada hubungan sosial umat Islam yang terkandung di dalam aspek tolong menolong sesama Muslim. Firman Allah yang bermaksud, “*..Dan tolong menolonglah kamu dalam (mengerjakan) kebajikan dan taqwa, dan janganlah tolong menolong dalam berbuat dosa dan permusuhan. Bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah amat berat seksaanNya.*” (surah al-An’am, 6: 32). Untuk memastikan ibadah ini berjalan lancar dan bersistematik, aspek pentadbir wakaf atau *mutawalli* yang dilantik itu mestilah betul-betul berkelayakan dan mampu untuk menjalankan tugasnya dengan cemerlang. Aspek latihan yang mencukupi, urus tadbir yang baik, berpengalaman, hubungan baik dengan kerajaan dan MAIN memainkan peranan penting merancakkan lagi institusi ini.

Rujukan

Amerudin Ismail. (2013). Konsep dan pengurusan wakaf pendidikan Sekolah Agama Rakyat (SAR) di Seberang Perai Tengah Pulau Pinang. Tesis Ijazah Sarjana, Universiti Sains Malaysia (USM), tidak diterbitkan.

Farahdina Fazial. (2014). Penjanaan pembiayaan pembangunan lestari Pondok An-Nadhoh (PAN), Kubang Semang, Pulau Pinang melalui instrumen wakaf. Tesis Ijazah Sarjana, Universiti Sains Malaysia (USM), tidak diterbitkan.

Mahmud Saedon Awang Othman. (1998). Peranan wakaf di dalam pembangunan ummah. Dlm. Ahmad Ibrahim et. al., *AL-AHKAM, undang-undang eluarga dan harta wakaf*, jil. 6, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

Mashitoh Mahamood. (2016). Undang-undang wakaf di Malaysia. Dlm. *Majalah Wakaf Malaysia*, edisi 1. Putrajaya: Yayasan Wakaf Malaysia (YWM).

Mohamad Akram Laldin, Mek Wok Mahmud dan Mohd. Fuad Suwari. (2008) Maqasid Syariah dalam pelaksanaan wakaf. *Jurnal Pengurusan JAWHAR*, vol. 2, no. 2, hlm. 1-24.

Muhamad Faisal Bahari dan Mohd Rizal Muwazir. (t.t). Kualiti perkhidmatan menurut perspektif Islam. Diakses pada 27 Oktober 2017 dari https://umexpert.um.edu.my/file/publication/00007055_98950.pdf.

Muhammad Hisyam Mohamad. (2014). *Paradigma ekonomi dan integriti sudut pandangan Islam*. Kuala Lumpur: IKIM.

Nik Mustapha Hj Nik Hassan. (2015). Peranan wakaf membangunkan ummah. Dlm. Nur Syahidah Abdul Jalil (ed.) *Pandangan alam Islam dalam peradaban ekonomi*. Kuala Lumpur: IKIM.

Nooh Gadot. (2014). *Skim infaq lil waqf*. Diakses pada 8 Disember 2017 dari <http://www.jawhar.gov.my/seminar-waqaf-antarabangsa-2014-international-seminar-on-awqaf-2014/>.

Noor Hazani Musa. (1999). Mengurus harta wakaf dengan cekap. Diakses pada 10 November 2017 dari http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=1999&dt=0325&pub=Utusan_Malaysia&sec=Rencana&pg=ot_03.htm.

Razali Othman. (2015). Institusi wakaf sejarah dan amalan masakini, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Surita Hartini Mat Hassan dan Mohd Nasir Ayub. (2016). Wakaf tunai instrumen pembangunan sosioekonomi ummah di Malaysia. *Jurnal Voice of Academia*. vol. 11 (2) 2016.

Surita Hartini Mat Hassan. (2015). Kelestarian harta wakaf melalui pelaburan hartanah wakaf: Satu tinjauan awal. *Proceeding, 9th ISDEV International Islamic Development Management Conference*, (IDMAC2015). Universiti Sains Malaysia.

Syarifah Hayaati al-Qudsiy. (2008). Budaya kerja cemerlang menurut Islam: amalan perkhidmatan awam Malaysia. *Jurnal Pengajian Melayu*. jil. 19. Hlm. 187-207.

Syed Omar Syed Agil. (t.t). Akautabiliti dalam Islam. Di akses pada 26/10/2017 dari http://repo.uum.edu.my/2221/1/Syed_Omar_Syed_Agil_1.pdf.

Hashnan Abdullah. (2014). Kekangan prestasi wakaf. Diakses pada 11 November 2017 dari http://ww1.utusan.com.my/utusan/Bicara_Agama/20140429/ba_04/Kekangan-prestasi-wakaf#ixzz4y4YDqQzt.

Yayasan Waqaf Malaysia. (2015). *7 Pintu Asas Kefahaman Wakaf*, Putrajaya: Yayasan Waqaf Malaysia.